J. Pend. Pk. ( km) 2879/3 Jld.27 7

ENGLISH LANGUAGE TEACHING CENTRE, MALAYSIA
Kementerian Pendidikan Malaysia
*Ministry of Education Malaysia*
Kompleks Pendidikan Nilai, Lebuh Enstek,
71760 BANDAR ENSTEK,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

*No. Tel.* : 06-7979 000
*No. Faks* : 06-7979 113 / 114
*Portal Rasmi* : www.eltc.edu.my

**"1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**

Ruj. Kami: KP(ELTC)/JTK/379/25 (46)
Tarikh: 29 November 2016

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

JABATAN PENDIDIKAN PERAK
DITERIMA
01 DEC 2016
SEKTOR AKADEMIK

YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PROGRAM *ORAL PROFICIENCY IN ENGLISH FOR SECONDARY SCHOOLS* TAHUN 2017**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa English Language Teaching Centre, (ELTC) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama semua Jabatan Pendidikan Negeri telah melaksanakan Program *Oral Proficiency in English for Secondary Schools* (OPS-English) dengan jayanya di 1,592 sekolah Band 3 hingga Band 6 dalam Gelombang Satu (2013-2015), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan murid yang sedang melalui program OPS-English menerima sokongan intervensi berterusan pada tahun 2017, terutamanya murid Tingkatan Dua (2), pihak ELTC mencadangkan supaya program ini diteruskan. Untuk makluman, murid Tingkatan Satu (1) 2017 yang akan mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) tidak akan mengikuti program ini.

4. Sekiranya pihak YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan memerlukan maklumat lanjut berkaitan perkara ini, pegawai yang boleh dihubungi ialah Puan Audrey Lim (audrey.lim@eltc.edu.my) di talian 06-7979 008.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SEHATI SEJIWA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR)**
Pengarah
English Language Teaching Centre
Kementerian Pendidikan Malaysia